

23 JAN 1999

Zaharah-Sabah

WANITA BN SERAHKAN KEPADA PM SOAL KERUSI PILIHANRAYA SABAH

KOTA KINABALU, 23 Jan (Bernama) -- Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menentukan jumlah kerusi untuk pergerakan itu di pilihanraya negeri Sabah yang akan datang.

Pengerusinya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pergerakan itu telah menyerahkan resolusi mengenainya kepada Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN.

"Kita telah menunjukkan kesungguhan wanita dalam usaha membantu kemenangan BN pada pilihanraya negeri Sabah dan kita berharap resolusi itu mendapat pertimbangan," katanya selepas pertemuan dengan Wanita BN Sabah di sini hari ini.

Ketika ditanya lebih lanjut mengenai jumlah kerusi yang diminta, Dr Siti Zaharah, yang juga ketua pergerakan Wanita Umno, berkata ia adalah lebih dari jumlah kerusi dahulu.

Satu-satunya kerusi yang diwakili wanita ketika ini ialah bagi kawasan Lumadan melalui wakil rakyatnya Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Raffae yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar negeri.

"Jumlah kerusi yang kita minta adalah wajar selaras dengan kesungguhan dan sokongan yang diberikan oleh wanita dalam menjayakan dasar-dasar negara," katanya.

Beliau juga berpuas hati dengan usaha yang dilakukan oleh Wanita BN Sabah dalam menggerakkan jentera masing-masing bagi menjamin kemenangan BN pada pilihanraya kali ini.

"Saya berharap semangat seperti ini diteruskan kerana ia menunjukkan bahawa kesungguhan BN sukar ditandingi oleh mana-mana parti," kata beliau.

Beliau yakin rakyat negeri ini akan membuat pilihan yang betul apabila tiba pilihanraya kelak di mana hanya BN sahaja yang mampu menjamin kestabilan dan kemakmuran.

Tempoh Dewan Undangan Negeri, yang mengandungi 48 anggota dipilih dan enam anggota dilantik, akan berakhir pada 18 Mac ini.

-- BERNAMA

JS THG